

# Cerita Kaki

## Mahkamah AS kaji hak asasi haiwan

WASHINGTON 8 Feb. - Mahkamah Persekutuan California buat pertama kalinya dalam sejarah Amerika Syarikat (AS) akan membuat keputusan sama ada haiwan di taman tema mempunyai hak asasi sama seperti manusia.

Isu itu timbul selepas Pertubuhan Orang bagi Layanan Beretika Terhadap Haiwan (PETA) memfailkan saman di mahkamah San Diego bagi mewakili lima paus pembunuh bernama Tilikum, Katina, Corky, Kasatka dan Ulises.

PETA menyatakan 'pekerjaan' paus pembunuh di Taman Tema Seaworld itu melanggar Peruntukan 13 Perlembagaan AS yang mengharamkan perhambaan. - AFP